

Jangan abai penghidap autisme

SABAK BERNAM - Masyarakat diminta tidak mengabaikan penghidap autisme kerana golongan itu juga berpotensi untuk berjaya pada masa depan.

Pegawai Daerah Sabak Bernam, Nasir Mamat berkata, menjadi kerugian sekiranya potensi golongan itu diabaikan dan bakat mereka dibiarkan tanpa sebarang sokongan masyarakat.

"Kehadiran mereka memberi peluang kepada kita untuk saling menghargai antara satu sama lain sekali gus mewujudkan sebuah masyarakat lebih berkasih sayang dan harmoni," katanya.

Beliau berkata demikian pada Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia Peringkat Daerah Sabak Bernam di

Dataran Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam.

Program itu anjuran Pejabat Daerah Sabak Bernam dengan Kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Restoran Mc Donalds Sungai Besar.

Seramai 60 pelajar autisme dari 14 sekolah menengah dan lapan sekolah rendah dari daerah ini menyertai program berkenaan.

Semua yang hadir memakai baju biru sebagai tanda sokongan meraikan hari kesedaran autisme sedunia.

Pelbagai aktiviti diadakan seperti mewarna dan tarian jenaka bersama yang mencuit hati.



Nasir (duduk tengah) bersama tetamu jemputan pada Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia Peringkat Daerah Sabak Bernam di Dataran Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam.